

# Lelaki didenda RM650 gara-gara miliki sekeping tiket loteri haram

**MIRI:** Seorang lelaki didenda RM650 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret semalam kerana kesalahan memiliki sekeping tiket loteri haram.

Hukuman itu dijatuhkan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Abdul Jani setelah tertuduh, Nelson Chan mengaku bersalah atas tuduhan yang dibaçakan terhadapnya mengikut Seksyen

9 (1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum dibawah seksyen yang sama

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki sekeping kertas yang mengandungi catatan nombor ekor yang merupakan

kan nombor loteri awam haram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.45 petang, 7 November lalu di tepi sebuah lot di Jalan Boulevard 21/1, Pusat Komersil Boulevard di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.